

SOALAN NO. : 24

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [KUALA
KRAI]**

TARIKH : 19/10/2015 (Isnin)

RUJUKAN : DR002

SOALAN :

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta MENTERI SUMBER
ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah langkah yang dibuat
bagi mengatasi masalah jerebu khususnya jerebu yang bersifat rentas
sempadan yang kerap berlaku di Malaysia**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia sentiasa menggesa Kerajaan Indonesia supaya mengambil langkah berkesan bagi menangani masalah jerebu sama ada melalui kerjasama dua hala atau sub-serantau melalui Jawatankuasa Pemandu Menteri Alam Sekitar Mengenai Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan (*Sub-Regional Ministerial Steering Committee on Transboundary Haze Pollution*) yang melibatkan lima (5) buah negara iaitu Brunei, Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand.

Menyingskap episod jerebu yang melanda negara semenjak 22 Ogos 2015 hingga 12 Oktober 2015, pihak Kerajaan telah mengambil beberapa tindakan bagi mengatasi masalah ini , iaitu yang terbaharu melibatkan perkara-perkara berikut:-

1. YAB Perdana Menteri telah mengadakan pertemuan dua hala dengan rakan sejawatannya, Presiden Indonesia, Joko Widodo pada 11 Oktober 2015 di Jakarta, Indonesia. Kedua-dua Pemimpin antara lainnya telah bersetuju untuk memperkukuhkan kerjasama dalam penyelesaian masalah jerebu merentas sempadan. Ini termasuk cadangan oleh Malaysia bagi berkongsi kepakaran dalam pengurusan tanah gambut secara lestari seperti pembinaan telaga air tanah (*tube well*) bagi meninggikan paras air di kawasan tanah gambut supaya tidak terbakar semasa musim panas dan kering. Presiden Joko Widodo juga telah menyatakan persetujuan untuk menghantar pegawai-pegawainya ke Malaysia bagi melihat kaedah Malaysia melaksanakan pencegahan

pembakaran di tanah gambut khususnya melihat infra struktur pencegahan pembakaran di tanah gambut;

2. Mesyuarat Ke-14 Suruhanjaya Bersama Kerjasama Dua Hala Malaysia-Indonesia telah diadakan pada 9 dan 10 Oktober 2015 di antara Menteri Luar Negeri Malaysia dan Menteri Luar Negeri Indonesia. Perbincangan tersebut menjurus kepada penyelesaian masalah jerebu merentas sempadan yang telah memberi kesan ketara kepada penduduk Malaysia, Indonesia dan Singapura serta tindakan yang telah diambil Indonesia untuk menanganinya melalui tindakan pemadaman ke kawasan kebakaran dan tindakan tegas ke atas syarikat serta individu yang didapati menyebabkan kebakaran. Kerajaan Indonesia amat menghargai bantuan Malaysia dalam membekalkan pesawat untuk membantu aktiviti pemadaman di Sumatera Selatan dan menghargai sokongan Malaysia untuk Indonesia menjadi negara tuan rumah bagi "*ASEAN Transboundary Haze Coordinating Centre*" yang sedang dalam proses pembangunan; dan
3. Penyaluran bantuan pemadaman kebakaran di Sumatera Selatan dan Palembang, Sumatera, Indonesia telah bermula pada 11 Oktober 2015 yang melibatkan mobilisasi pesawat 'Bombardier CL 415" milik Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) bagi operasi pengeboman air (*water bombing*) di kawasan-kawasan kebakaran.

Selain itu, Kerajaan kini sedang dalam proses rundingan untuk memeterai satu Perjanjian Persefahaman (MOU) dengan pihak Indonesia mengenai tindakan-tindakan pencegahan jerebu. Di bawah Perjanjian Persefahaman ini, Malaysia dan Indonesia akan bekerjasama, antara lainnya dalam bidang pembangunan keupayaan (*capacity building*) dan perkongsian maklumat serta kepakaran dalam bidang penguatkuasaan undang-undang pembakaran terbuka, teknologi perladangan tanpa pembakaran (*zero burning*), pengurusan tanah gambut yang mapan dan latihan pemadaman kebakaran.

Kita berharap agar rundingan mengenai Perjanjian Persefahaman (MOU) ini dapat kita selesaikan menjelang mesyuarat-mesyuarat Menteri-Menteri Alam Sekitar ASEAN Ke-13 (*13th ASEAN Ministerial Meeting on Environment, AMME*) dan "*Conference of Parties (COP) to the ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution*" Ke-11 pada 26 hingga 30 Oktober 2015 di Hanoi, Viet Nam.

Sekian, terima kasih